

Newspaper	Sinar Harian
Date	1/5/2013

# Orang Melayu perlu bijak guna peluang: Dr Mahathir

**KUALA LUMPUR** – Orang Melayu kurang bijak urus kekayaan menyebabkan kuota 60 peratus Bumiputera hanya dipenuhi 30 peratus dalam sektor korporat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata demikian ketika ditanya peruntukan kerajaan yang menekankan hak sama rata rakyat khususnya orang Melayu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan kini menekankan Fair Distribution yang semestinya tidak sama, tetapi lebih adil kepada rakyat negara ini.

“Pegang kenyataan tentang kebolehan kita dalam sesuatu bidang. Jika lakukan apa yang kita mampu lakukan, kita tidak akan kecewa. Sebaliknya, bila diberi peluang kita tidak gunakan dengan baik.

“Ada kekayaan, tapi tidak labur dan guna secara bijak. Bila beri peluang kontrak, dijual. Bila beri saham dalam syarikat, juga dijual.

Sebab itu saya tekankan nilai hidup. Jadikan kekayaan dimiliki itu lebih baik,” katanya ketika majlis diskusi buku *Merentas Halangan 2: Hak Seorang Warganegara di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)*.

Buku itu sambungan buku pertama beliau berjudul *chedet.com; Blog Merentas Halangan (2008)* yang mengumpulkan sebahagian tulisan beliau sejak 2008 hingga 2012.

Hadir sama, Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn Bhd, Datuk A Kadir Jasin dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MPH, Datuk Ng Tieh Chuan.

Pada diskusi, Dr Mahathir turut mengulas mengenai bukunya yang menyatakan kegagalan kerajaan mendekati jurang ekonomi rakyat adalah disebabkan faktor kekurangan dua pertiga kerusi kerajaan selepas Pilihan Raya Umum

(PRU) 2008.

Justeru, beliau menyeru rakyat menyokong kerajaan pada PRU kali ini, sekali gus membolehkan dasar-dasar kerajaan didengar dan diluluskan Dewan Rakyat.

“Kerajaan sekarang lemah menjadikan segala dasar tidak sampai. Kalau dulu kerajaan kuat, mudah sekali dasar kerajaan diluluskan Dewan Rakyat jadi kita boleh lebih tegas dalam perancangan dan pelaksanaannya,” katanya.

Ditanya mengenai jurang pembangunan ketara mengenai penduduk bandar dan kampung, Dr Mahathir berkata, orang bandar berpendapatan tinggi dan menjadi pembayar cukai terbanyak berbanding penduduk kampung.

“Dengan ada wang cukup yang dibayar penduduk bandar maka kita beri mereka infrastruktur yang banyak setimpal dengan yang dibayar.



**Dr Mahathir menandatangani buku terbarunya di PWTC, semalam.**

Sebenarnya yang dilakukan di kampung itu adalah cukai yang dibayar oleh penduduk bandar. Kalau kita timbal peruntukan yang dibuat kerajaan, kemudahan yang didirikan

di kampung kosnya lebih tinggi dari cukai yang dibayar mereka. Kerajaan berlaku adil, yang kaya membantu miskin. Inilah yang sedang berlaku,” katanya.